

Teliti pelaksanaan program BA100

Untuk kurangkan harga barangan dan peranan orang tengah

PUTRAJAYA

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (MTSHN) akan meneliti pelaksanaan inisiatif program Barang Asas 100 (BA100) yang dijangka boleh mengurangkan harga barangan, mengurangkan peranan orang tengah dan mengeluarkan sendiri barangan keperluan asas.

Timbalan Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail** yang mempengerusikan MTSHN itu berkata, pelaksanaan BA100 akan melibatkan Kementerian Pembangunan Usahawan

(MED), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) dalam usaha kerajaan menangani kos sara hidup.

Menurutnya, koperasi yang mempunyai keanggotaan seramai 6.1 juta orang setakat 30 Jun 2018 dapat memainkan peranan penting bagi membantu kerajaan menangani kos sara hidup melalui program pembangunan pemborongan, peruncitan dan pertanian.

"Melalui pemborongan dan peruncitan, ia melibatkan pengukuhan serta pemantapan pusat pengedaran koperasi.

"Peruncitan melibatkan pembangunan produk koperasi dan pertanian pula melibatkan penternakan, perikanan, sayur serta buah dan input pertanian," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan



Wan Azizah (kanan) dan Saifuddin pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara di Bangunan Perdana Putra di Putrajaya semalam.

mesyuarat ketiga MTSHN di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,

Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pembangunan Usahawan, Da-

tuk Seri Mohd Redzuan Mohd Yusof.

Sementara itu, **Saifuddin** berkata, BA100 ialah 100 barang asas termasuk tepung, gula, beras dan barangan yang biasa dibeli orang ramai hasil pemerhatian yang dibuat pihak koperasi.

"Ideanya ialah jika mereka boleh senaraikan 100 barang asas ini dan menguasai ekosistem yang melibatkan pemborongan, pengedaran dan peruncitan serta mempunyai kedai, maka 100 barang ini dapat dijual di kedai mereka dengan harga yang lebih rendah," katanya.

Dalam pada itu, Dr Wan Azizah berkata, MTSHN juga bersetuju untuk mengembangkan program QFish ke seluruh negara dengan menggunakan teknologi pembekuan ikan secara 'Individual Quick Freezing' dalam membantu kerajaan menstabilkan har-

ga ikan di pasaran.

"Program QFish ini menyasarkan untuk meningkatkan pengeluaran kapasiti ikan daripada 561 metrik tan (MT) kepada 3,500 MT setahun.

"Usaha ini juga bagi mengekang masalah kekurangan ikan di pasaran," katanya.

Wan Azizah turut mengumumkan pelantikan lima anggota baharu MTSHN iaitu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, **Datuk Ignatius Darrel Leiking**; Peguam Negara, **Tommy Thomas**; Ahli Parlimen Jeli, **Datuk Seri Mustapa Mohamed**; Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC), **Surina Shukri** dan Presiden Majlis Belia Malaysia, **Jufri Joha**. - Bernama



Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 26/06/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 18

Tajuk : Teliti pelaksanaan program BA100